# Mahathir tegur pelabur2 Jepun

UM 2 - MAR 1984

**KUALA LUMPUR 1 Mac. – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap para pelabur Jepun yang lebih gemar melabur dalam sektor perkilangan di negara-negara maju dari negara-negara sedang membangun seperti Malaysia.**

nya.

"Strategi ini bukan sahaja akan mengurangkan tindakan perlindungan tetapi disamping mengekalkan keuntungan' syarikat - syarikat Jepun juga akan menolong membangunkan negara yang belum maju," ujarnya.

Beliau menegaskan pertolongan ini akan lebih berkesan jika pelaburan dibuat secara usahasama.

Mcnurut Perdana Mcntcri dengan majunya Import-cksport Malaysia - Jepun beliau berkata kebelakangan ini kira-kira 90 peratus eksport Malaysia kc Jepun merupakan bahan mentah dan komiditi utama

Perdana Mcntcri bcrkata pada pandangan Malaysia pelaburan Jcpun di ncgara-ncgara maju adalah satu pembaziran kerana ia merupakan usaha orang kaya menolong orang kaya.

"Dunia tidak akan menjadi lcbih makmur dan bahagia dengan amalan yang sempit ini dan sudah tentu amalan ini tidak sccocok dcngan order baru ekonomi antarabangsa."

Bcliau mcmbuat tcguran itu dalam ucapannya di hadapan lebih 200 orang pengusaha Jcpun dan tcmpatan ketika mcrasmikan pamcran "Jcpun Technofair 84" di Cangkat Pavilion di sini pagi ini.

Sambil mengakui bahawa Jepun telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan industri negara ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau berharap Jepun akan hcndak sentiasa sedar tentang cita-cita kerajaan dan rakyat Malaysia.

Perdana Menteri juga mahu negara itu memainkan peranan utama menunjukkan contoh dengan mengimport lebih banyak lagi barang-barang Malaysia yang telah diproscs selaras dengan hubungan perdagangan yang baik antara kcdua ncgara kcbelakangan ini.

Bcliau berkata mcngikut laporan agcnsi-agcnsi Jepun, pelaburan Jepun di sektor perkilangan di negara-negara maju telah mcningkat dan pcningkatan ini disebabkan imbangan dagangan yang menguntungkan negara itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir bcrpcndapat scbaliknya soal imbangan dagangan ini bolch diatasi tanpa Jepun menolong negara-negara yang sudahpun maju melalui pelaburan di sana.

Katanya jika Jepun memindahkan kilang-kilang yang scsuai kc negara-negaru membangun seperti Malaysia, eksport Jcpun kc ncgara-ncgara maju akan bcrkurangan tetapi, eksport barang-barang Jcpun yang dibuat di negara-negara membangun akan terus memberi keuntungan kepada negara-negara membangun pihak Jcpun akan dapat menjual lcbih banyak barangan buatan Jcpun kepada mereka kerana mustahil negara-negara membangun ini dapat mengeluarkan semua barangan yang dipcrlukan olch mereka.

Datuk Sri. Dr. Mahathir menegaskan dari acgi teknologi, Malaysia tidak terus di peringkat yang "mediocre" kerana ingin mencapai tingkat-tingkat teknologi yang lcbih tinggi dan rakyat negara ini mcmpunyai kebolehan mencrima dan mempelajarinya.

"Kita berharap Jcpun akan sentiasa sedar tentang cita-cita kerajaan dan rakyat Malaysia," ujarnya.

Dalam hubungan ini beliau berharap para pelabur dan syarikat Jcpun di sini supaya mengadakan integrasi yang menyeluruh bagi mengcluarkan komponen mesin dan alat yang diperlukan oleh perusahaan tempatan.

Menyentuh tentang yang berbeza dengan import Jcpun di negara ini yang tcrdiri dari mesin perkilangan dan barang siap.

Beliau berkata Malaysia mahu mengubah keadaan ini dan berharap barang-barang yang telah diproses akan menggantikan sebahagian besar bahan mentah sebagai eksport negara akhirnya.

Jika kita bcrgantung kepada penjualan bahan-bahan mentah maka ekonomi kita akan dikuasai olch orang asing," tambah beliau.

Namun bcgitu, Perdana Menteri memberitahu Malaysia menghadapi berbagai masalah perdagangan apabila cubs mengeksport barang-barang yang telah diproses kc ncgara-ncgara maju tcrmasuk Jcpun.

"Bersesuaian dengan hubungan perdagangan yang baik antara Jepun dan Malaysia dewasa ini, Jcpun haruslah dapat menerima lcbih banyak barangan siap buatan Malaysia," kata Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.